

PENULISAN ESEI

TAJUK ESEI: Muslim Dan Gangguan Teknologi

PENULIS: Nur Amalin Husna Muhammad Nadzir

Tarikh diterbitkan: 24 Disember 2020

Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Bukan ibadah semata malah cara hidup manusia (Abu Bakar Bin Yang, 2000). Maka kehidupan manusia tidak dapat lari daripada penggunaan teknologi yang banyak membantu dan menaikkan taraf kehidupan. Perkara ini telah dibuktikan wujud sejak zaman primitif lagi kerana manusia bergantung kepada teknologi sebagai alat untuk memudahkan kerja. Teknologi dan manusia amat berkait rapat dan memberikan kesan yang besar sepertimana yang kita lihat pada hari ini. Islam tidak pernah menolak teknologi kerana Allah telah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 269 yang bermaksud "Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya". Maka manusia yang dikurniakan nikmat akal perlu memanfaatkan anugerah ini untuk memakmurkan bumi. Kemajuan teknologi kini perlulah dimanfaatkan sebaiknya demi kemaslahatan umat manusia. Kini, dapat kita rasai nikmat ini dengan terhasilnya teknologi yang amat maju dan penggunaannya yang meluas dalam pelbagai bidang sama ada perubatan, kewangan dan industri. Oleh itu, timbullah persoalan tentang bagaimana seorang muslim yang baik menghadapi fenomena gangguan teknologi ini.

Sebelum kita memperhalusi persoalan tersebut, eloklah kita memahami dahulu apa yang dimaksudkan dengan kemusnahan teknologi kerana hakikat maknanya bukanlah seperti yang kita sangkakan. Kemusnahan teknologi membawa erti proses penggantian teknologi lama ke arah sebuah teknologi yang baharu dan semestinya lebih maju (Shaikh Mohd Saifuddeen B Shaikh Mohd Salleh, 2019). Fenomena ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana ia sering berlaku dari semasa ke semasa. Kemusnahan teknologi juga memberi impak yang besar terhadap sesebuah pasaran teknologi yang telah lama bertapak. Jika kita lihat kembali pada zaman kegemilangan

yang diperintah oleh Bani Abbasiyah, umat Islam banyak membawa perubahan kepada masyarakat dengan lahirnya ramai tokoh sains Muslim yang turut dikagumi oleh Barat seperti Ibnu Sina yang pakar dalam bidang perubatan (SalamWebToday, 2020). Dalam penulisannya iaitu *Kitab al-Qanun fi al-tibb*, buku keduanya, menyatakan tentang tujuh peraturan asas berkenaan keberkesanan ubat terhadap pesakit melalui eksperimennya. Antara asas yang dikaji oleh Ibnu Sina atau dikenali juga sebagai Avicenna, menekankan bahawa keberkesanan sesuatu ubat dapat dilihat dengan lebih tepat jika membuat ujian ke atas manusia bukannya melalui haiwan (Nasser, M., Tibi, A., & Savage-Smith, E, 2009). Hasil kajiannya yang masih lagi dirujuk oleh pakar sehingga kini menunjukkan betapa besarnya sumbangan Ibnu Sina dalam bidang ini. Bukan Ibnu Sina sahaja, malah ramai lagi cendekiawan muslim yang membawa kemajuan teknologi sehingga kini seperti Ibnu Haitham, Al-Tusi, Al-Farazi dan lain-lain lagi.

Teknologi telah membawa perubahan yang amat besar kepada kehidupan manusia. Penggunaan telefon pintar seolah-olah menjadi keperluan asas. Tidak kurang juga penggunaan internet yang begitu meluas, dan sentiasa berkembang. Contohnya, teknologi 5G sudah mula menggantikan 4G. Ya, kita memang perlu mengejar peralihan ini supaya tidak ketinggalan dalam arus perubahan ini. Kemusnahan teknologi ini telah membuka ruang besar dalam bidang perbankan dengan wujudnya perbankan internet menggantikan perbankan tradisional yang memerlukan pemegang akaun berurusan di kaunter bank. Sebagai muslim, biarpun bidang perbankan semakin maju, kita tidak alpa dengan apa yang ditetapkan oleh syarak. Maka, wujudlah perbankan internet yang berlandaskan syariah seperti perbankan internet Islamik, takaful Islamik dan sebagainya. Kita patut berbangga kerana Malaysia merupakan negara paling maju dalam kewangan islam oleh Global Islamic Finance Development Indicator, IFDI 2018. Penggunaan Data Besar (*Big Data*) adalah perlu bagi melancarkan proses ini. Data pengguna akan dianalisis untuk menjejak arah aliran dan pembelian pengguna (Muhammad Aiman Mohamad Salmi, 2020). Di sinilah pihak Suruhanjaya Sekuriti memainkan peranannya bagi melindungi data peribadi dari disalahguna. Tidak diketepikan juga takaful yang kini melaksanakan kontrak pintar dan transformasi digital. Maka banyakkah peluang pekerjaan baharu disediakan bagi memenuhi keperluan industri Fintech Islamik ini seperti pegawai syariah, pegawai teknikal, pegawai operasi dan sebagainya.

Tidak hairan juga kemusnahan teknologi ini turut memberi kesan kepada industri halal di Malaysia. Islam amat menitikberatkan soal makanan yang berkonsepkan halal dan *tayyiba*. Maka pihak saintis dari Pusat Kecerdikan Buatan dan Robotik (CAIRO) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya menghasilkan sebuah sistem AI iaitu sistem 'Pemprosesan Ayam Halal Automatik' (Sycut). Pencapaian yang membanggakan ini telah memudahkan proses penyembelihan dan dijamin menepati kehendak syarak. Sistem yang menggunakan kamera yang berkelajuan tinggi dapat merakam leher ayam yang disembelih lalu imej yang terhasil akan diproses oleh sebuah perisian yang akan memeriksa keadaan urat halkum dan mari'. Sekiranya urat-urat tersebut tidak putus maka sistem ini dapat mengesannya lalu ayam tersebut akan diasingkan (Mohammad Fitri Alif bin Mohammad Kasai, 2013). Begitulah hebatnya para saintis muslim kita yang telah berjaya menghasilkan teknologi patuh syariah.

Oleh itu, sebagai muslim yang hidup dalam zaman kemusnahan teknologi ini, kita perlu menghadapinya dengan sebaik mungkin agar tidak kita lalai daripada tanggungjawab sebagai seorang hamba. Perlu diingat, teknologi ini berada dalam genggaman kita, bukan teknologi yang mengawal hidup kita. Bimbang manusia hidup tanpa kemanusiaan. Kini telah muncul pula penyakit akibat penggunaan teknologi yang tidak terkawal seperti autisme visual yang menyerang kanak-kanak yang mengakibatkan mereka tidak mampu berkomunikasi sebagai biasa kerana asyik dengan gadget. Bukan itu sahaja, penggunaan telefon pintar di dalam bilik yang gelap akan mengganggu proses perembesan hormon melatonin. Kesannya, seseorang itu tidak rasa mengantuk, tidak tidur dan akibatnya tidak mendapat rehat yang cukup. Manusia tidak boleh terlalu bergantung kepada teknologi kerana seperti yang diperkatakan oleh Dr. Zainal Abidin, kita perlu pandai membezakan matlamat dan alat (Ahmad Noor Sulaiman, 2019).

Kemusnahan teknologi sememangnya tidak asing dalam era ketamadunan Islam sejak dahulu lagi. Muslim kini perlu lebih dinamik bagi menghadapi perubahan ini selagi mana tidak menyebabkan kehancuran pada bumi ini. Sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Rum ayat 41 yang bermaksud "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia: (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)". Elakkanlah kemusnahan

teknologi ini daripada benar-benar membawa "kemusnahan" kepada kita. Pun begitu, persediaan kita sebagai muslim menghadapi kemusnahan teknologi ini amatlah penting agar dapat membawa manfaat yang besar kepada ummah (Muhammad Husni bin Mohd Amin, 2019).